AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : MUKA DUA



Oleh Rafidah Mat Ruzki, M Hifzuddin Ikhsan, Rohaniza Idris, Zanariah Abd Mutalib, Mohd Iskandar Ibrahim, Nor Fazlina Abdul Rahim, Mohamed Farid Noh, Alzahrin Alias, Safeek Affendy Razali, Mohd Nasaruddin Parzi, Hazwan Faisal Mohamad, Muhammad Yusri Muzamir, Fahmy A Rosli, Ilah Hafiz Aziz, Noor Atiqah Sulaiman, Samadi Ahmad, Zuliaty Zulkiffli, Essa Abu Yamin, Balqis Jazimah Zahari, Siti Rohana Idris, Baharom Bakar dan Dziyaul Afnan Abdul Rahman bhnews@bh.com.my

*Penularan COVID-19*

# Sesi pra-Kabinet Agong kali kedua

**Kuala Lumpur:** Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, semalam berkenan mengadakan sesi pra-Kabinet kali kedua bersama Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menerusi sidang video di Istana Negara.

Istana Negara dalam catatan laman Instagram rasminya, menyatakan bahawa mesyuarat menerusi sidang video itu diadakan berikutan fasa ketiga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung COVID-19.

"Mesyuarat pra-Kabinet adalah aktiviti mingguan atau rutin utama Seri Paduka untuk berbincang dan bertukar pendapat bersama Perdana Menteri berkenaan isu semasa," menurut catatan itu semalam.

Secara lazimnya, Seri Paduka berangkat ke Istana Melawati untuk mesyuarat pra-Kabinet.

"Namun, Yang di-Pertuan Agong berkenan supaya mesyuarat pra-Kabinet diteruskan menerusi sidang video ketika PKP ini berjalan dan ini mencerminkan keprihatinan tinggi Al-Sultan Abdullah terhadap pentadbiran negara dan kesejahteraan rakyat," menurut catatan itu lagi.

Pada Rabu minggu lalu, Al-Sultan Abdullah berkenan mengadakan sesi sidang video julung kali bersama Perdana Menteri, juga dari Istana Negara.

BERNAMA



***Al-Sultan Abdullah berkenan mengadakan sesi pra-Kabinet bersama Muhyiddin** menerusi sidang video di Istana Negara, Kuala Lumpur, semalam.*
(Foto Istana Negara)

# Turun 1 digit penentu tamatkan PKP

## KKM harap dapat kurangkan kes dalam tempoh 1-2 minggu ini

**Putrajaya:** Penurunan kes positif baharu, terutama membabitkan penularan tempatan kepada satu digit, antara kriteria penentu status Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang kini dalam fasa ketiga boleh ditamatkan atau sebaliknya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ketika ini kes positif baharu sudah turun kepada dua digit, berbanding sebelum ini.

Malah, katanya semalam jumlah kumulatif kes positif dengan kebolehjangkitan juga sudah berkurangan hingga ke bawah 2,000 iaitu sebanyak 1,987 kes berbanding data kelmarin.

"Kes positif harian kita dua angka (digit) ketika ini dan kita sedang melihat kes import. Sebenarnya, kes transmisi tempatan hari ini (semalam) adalah 45 daripada 50 kes positif dilaporkan.

"Yang penting adalah trend kes transmisi tempatan, selain peratusannya. Seperti saya katakan sebelum ini, kadar kebolehjangkitan sebelum ini 3.55 peratus, kini ia di bawah satu peratus. Kita berharap dapat mengurangkan kes ini dari *double-digit* (dua digit), mungkin dalam tempoh seminggu dua ini, jika kita terus menambah baik PKP, mungkin ia menjadi *single-digit* (satu digit) seperti yang kita lihat di negara lain," katanya pada sidang media harian perkembangan COVID-19, di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, indikasi perkembangan kes berkenaan penting dalam menilai status PKP ketika ini.

"Sama ada PKP akan ditamatkan atau diteruskan, kita yang akan menasihati Perdana Menteri untuk membuat keputusan itu berdasarkan kepada data yang ada.

Pada masa sama, beliau mengulangi enam kriteria yang perlu dipenuhi sebelum PKP boleh ditamatkan, selain berpandukan saranan ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Namun, katanya, ia perlu disesuaikan sebelum melihat bagaimana ia boleh menepati situasi tempatan.

Enam kriteria utama itu ialah, kawalan sempadan, kawalan pergerakan rakyat, peningkatan fasiliti kesihatan, keperluan menjaga golongan berisiko, mengadaptasi normal baharu dalam kehidupan dan pemerkasaan komuniti.

Berhubung keupayaan negara dalam menghasilkan vaksin sendiri, beliau berkata Malaysia akan cuba memastikan sekiranya vaksin untuk COVID-19 ditemui kelak, negara ini diberikan keutamaan untuk mendapatkannya.

"Kita tidak ada keupayaan menjana dan membuat vaksin, tetapi jika kita sudah kenal pasti vaksin itu, kita mungkin boleh lihat pembuatan vaksin di negara kita.

"Mungkin formulanya sudah ada, kita boleh hasilkan di negara kita. Jadi, kalau kita sudah bekerjasama secara bersepadu dengan negara lain, data kita boleh menyumbang untuk menghasilkan kajian vaksin secara bersama,"katanya.

Berhubung bekalan kit ujian pengesanan antigen COVID-19, beliau berkata, kit ujian pantas dari Korea Selatan dijangka tiba selewat-lewatnya minggu depan.

Ketika ini, Wisma Putra sedang membantu untuk menyegerakan proses pembelian dan penghantaran kit ujian berkenaan masuk ke negara ini.

### Ibadat & Fadilat

*Daripada Ibnu Umar RA, beliau berkata; Rasulullah SAW pernah memegang sebahagian daripada tubuhku seraya bersabda: "Wahai Abdullah, jadilah kamu di dunia ini seakan-akan orang asing atau seorang pengembara, dan persiapkanlah dirimu sebagai calon penghuni kubur."* **(HR at-Tirmizi)**

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

# Hendak balik rumah boleh mohon Sabtu ini

## Kebenaran pada peringkat kajian bergantung nasihat KKM

**Kuala Lumpur:** Mereka yang 'terkandas' di kampung selepas pulang sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan dan ingin kembali ke rumah masing-masing boleh mula membuat permohonan kepada polis bermula Sabtu ini.

Kerajaan membuka pendaftaran itu yang boleh dilakukan secara dalam talian menerusi aplikasi Gerak Malaysia atau berkunjung ke mana-mana balai polis berhampiran tempat di mana mereka berada.

Bagaimanapun, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kebenaran itu masih dalam peringkat kajian bergantung nasihat Kementerian Kesihatan (KKM).

"Mereka boleh mula melaporkan kepada polis melalui dalam talian, iaitu melalui aplikasi Gerak Malaysia yang mana ini kolaborasi antara polis dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) mulai 25 April nanti.

"Bagi mereka yang tiada kemudahan telefon pintar dan sebagainya, permohonan boleh dibuat di balai polis berhampiran namun perlu membuat temu janji terlebih dahulu bagi mengelakkan kesesakan di balai polis," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Berkenaan Pelaksanaan PKP di Putrajaya, semalam.

Ismail Sabri berkata, pihaknya akan meneliti terlebih dahulu setiap permohonan dan jika dibenarkan, pergerakan hanya dijangka bermula 1 Mei ini.

Katanya, setiap keluarga wajib mendaftar dan membuat permohonan bagi membolehkan pihak berkuasa membuat perancangan.

"Mereka yang mendaftar perlu mengemukakan nama, jumlah ahli keluarga dan lokasi tempat dituju, dari kampung mana, zon merah atau hijau dan sebagainya," katanya.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, pihaknya sedia maklum ada rakyat yang berada di kampung berhasrat pulang ke kediaman masing-masing di bandar termasuk Kuala Lumpur kerana sudah terlalu lama meninggalkan rumah.

"Sebelum PKP ramai rakyat berebut pulang ke kampung masing-masing. Mereka sudah berada di kampung lebih sebulan.

"Kita faham keinginan mereka untuk pulang ke tempat kerja. Ada yang bimbang rumah mereka dipecah masuk.

"Sesetengah mereka pulang bersendirian dan anak ditinggalkan di rumah di Kuala Lumpur dan terpisah daripada keluarga selama sebulan ini," katanya.

Beliau berkata kerajaan perlu membuat perancangan rapi sebelum membuat keputusan membenarkan pergerakan itu kerana tidak mengetahui jumlahnya berbanding kebenaran pelajar balik ke kampung yang diketahui bilangannya.

Dalam perkembangan lain, Ismail Sabri berkata Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sudah melaksanakan nyah cemar di semua projek perumahan rakyat (PPR) di zon merah serta kuning di seluruh negara.

Setakat ini, sebanyak 3,332 operasi sanitasi dilakukan di 109 zon termasuk di 30 zon merah.

"Semalam (kelmarin), sebanyak 292 operasi sanitasi meliputi 81 zon di 14 negeri, termasuk 41 kawasan di Johor dan 33 kawasan di Perak.

"Selain PPR, operasi sanitasi semalam merangkumi 234 bangunan kerajaan, 110 tempat awam, 174 pusat perniagaan dan 21 pasar raya," katanya.

Mengenai Ramadan yang dijangka disambut esok, kerajaan mengingatkan orang ramai khususnya umat Islam supaya tidak berpusu-pusu membuat pembelian berikutan bekalan makanan mencukupi.

Katanya, jaminan bekalan barang keperluan mencukupi dibuat hasil pemantauan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Justeru, bekalan makanan harian antaranya seperti beras, buah, sayur, ikan, ayam, daging, telur dan susu segar lebih daripada mencukupi.

"Rancang pembelian supaya tidak terlalu bersesak-sesak sewaktu pembelian dan saya harap sewaktu pembelian di pasar dan pasar raya sekalipun... patuh kepada arahan kerajaan termasuk penjarakan sosial," katanya.

Mengenai tindakan terhadap mereka yang ingkar PKP, Ismail Sabri berkata seramai 865 individu ditahan kelmarin berbanding 946 orang pada hari sebelumnya.

Daripada jumlah itu, 732 individu direman, manakala 133 lagi dijamin oleh polis.

Jumlah tangkapan kumulatif ingkar PKP sehingga kelmarin ialah 17,735 orang. Selain itu, 1,236 individu didakwa di mahkamah kelmarin.




*Ismail Sabri pada sidang media harian PKP di Bangunan Perdana Putra, di Putrajaya, semalam.* (Foto BERNAMA)

> *Bagi mereka tiada telefon pintar dan sebagainya, permohonan boleh dibuat di balai polis berhampiran, namun perlu membuat temu janji terlebih dahulu bagi mengelakkan kesesakan*
>
> *Ismail Sabri Yaakob,, Menteri Kanan (Keselamatan)*



*Dr Goh Pik Pin*

## KKM daftar pesakit pertama jalani ujian solidariti

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan mendaftarkan pesakit pertamanya untuk menjalani ujian solidariti Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dalam usaha mencari penawar bagi merawat jangkitan COVID-19.

Perkara itu diumumkan oleh Pengarah Pusat Kajian Klinikal KKM, Datuk Dr Goh Pik Pin, menerusi Twitter.

"Pasukan penyelidik ujian solidariti kementerian sudah mendaftarkan pesakit pertama hari ini (kelmarin), 12 hari selepas diluluskan Jawatankuasa Etika dan Penyelidikan Perubatan (MREC).

"Dengan ini, Malaysia bakal menyumbang bukti kepada dunia dalam mengenal pasti rawatan berkesan untuk pesakit COVID-19," katanya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah sebelum ini dilaporkan berkata, sebanyak sembilan hospital di negara ini akan terbabit dalam melaksanakan ujian ubat bagi merawat COVID-19 menerusi kaji selidik solidariti yang diselaraskan oleh WHO.

Kaji selidik diselaraskan WHO di seluruh dunia itu adalah usaha julung kali dilakukan bagi mengumpul data boleh dipercayai dan membandingkan keselamatan serta keberkesanan empat protokol rawatan menggunakan kombinasi Remdesivir, Lopinavir/Ritonavir, Interferon beta, Chloroquine dan Hydroxychloroquine.

Katanya, penyertaan Malaysia dalam kaji selidik sedunia ini dapat membantu dalam pencarian ubat menyelamatkan nyawa bagi merawat COVID-19.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL



## Nasional

*Penularan COVID-19*

# 103 pulih, dibenar keluar hospital

### Angka melebihi separuh kes positif baharu

**Putrajaya:** Sebanyak 103 kes pulih dan dibenarkan keluar hospital sehingga semalam, melebihi separuh daripada kes positif baharu COVID-19 sebanyak 50 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan jumlah kes pulih itu menjadikan jumlah terkumpul kes yang sudah pulih sepenuhnya dari COVID-19 sebanyak 3,452 kes atau 62.4 peratus daripada jumlah keseluruhan.

"Justeru, bilangan kes yang dibenarkan pulang hari ini (semalam) lebih dua kali ganda, berbanding jumlah bilangan kes yang dilaporkan iaitu hanya 50 kes baharu.

"Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak 5,532 kes.

"Sehingga kini, seramai 43 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah berkenaan, 25 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya pada sidang media harian COVID-19, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, ada pertambahan satu lagi kes kematian berkaitan COVID-19 dan menjadikan jumlah kumulatif kes kematian sebanyak 93 kes atau 1.68 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Kes kematian ke-93 (kes ke-5,483) ialah seorang wanita warganegara Malaysia berumur 72 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit barah dan darah tinggi.

"Beliau dirawat di Hospital Umum Sarawak pada 20 April lalu dan disahkan meninggal dunia pada jam 9.15 pagi tadi (semalam). Kementerian ingin mengucapkan takziah kepada ahli keluarga beliau," katanya.



***Bilangan kes yang dibenarkan pulang hari ini (semalam) lebih dua kali ganda, berbanding jumlah bilangan kes yang dilaporkan hanya 50 kes baharu.***

*Dr Noor Hisham Abdullah,*
*Ketua Pengarah Kesihatan*

BHTV

# KKM kesan satu lagi kluster baharu di Pengerang

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan satu lagi kluster baharu COVID-19 di Pengerang, Johor yang menjangkiti 15 individu.

Setakat semalam, daripada 15 kes positif COVID-19 itu, 10 orang adalah rakan sekerja dan lima orang ahli keluarga kes indeks terbabit, termasuk ibu beliau yang berusia 79 tahun dan anak perempuan berumur 10 tahun.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pesakit kluster berkenaan ialah kes ke-1,508 yang mengalami gejala pada 12 Mac lalu dan mulanya disyaki menghidap demam denggi.

Bagaimanapun, sehari selepas itu pesakit berkenaan memulakan perjalanan merentasi beberapa buah negeri bagi mengunjungi sanak-saudaranya di sekitar Selangor dan pulang ke Pengerang pada 18 Mac lalu.

"Keadaan kesihatan beliau mula merosot dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Aminah, Johor pada 20 Mac lalu dalam keadaan yang kritikal dan seterusnya disahkan positif jangkitan COVID-19 pada 22 Mac," katanya dalam sidang media harian COVID-19, di sini semalam.

Tambah Dr Noor Hisham, sebanyak tujuh kes daripada kluster berkenaan kini sedang menerima rawatan, manakala lapan kes lagi sudah pulih sepenuhnya dan dibenarkan pulang.

"Secara keseluruhan, tiga kes di dalam kluster ini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Jangkitan dalam kalangan ahli keluarga yang menetap di negeri lain dipercayai berpunca daripada aktiviti kunjung-mengunjung yang berlaku sehari sebelum pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)," katanya.

Bagaimanapun, mengikut senarai kluster COVID-19 KKM, sehingga 20 April lalu tidak ada kes baharu direkodkan berkait dengan kluster Pengerang itu.

Dalam pada itu Dr Noor Hisham mengingatkan supaya rakyat terus patuh pelaksanaan PKP dan tidak melakukan sebarang kegiatan kunjung-mengunjung ke rumah rakan dan saudara supaya kejadian seperti kluster Pengerang dan subkluster Rembau tidak berulang.

BHTV

Katanya, kegiatan kunjung-mengunjung itu, termasuk perjalanan merentas negeri, daerah dan mukim atau menghadiri perhimpunan besar-besaran, termasuk majlis keagamaan dan keraian.

"Mengambil iktibar daripada penyebaran jangkitan COVID-19 dalam dua kluster berkenaan, masyarakat diminta untuk kekal patuh kepada PKP dan elak daripada melakukan sebarang aktiviti kunjung-mengunjung ke rumah rakan dan saudara.

"KKM khuatir aktiviti seperti ini yang sememangnya sudah menjadi kelaziman rakyat Malaysia, akan mengakibatkan penularan jangkitan COVID-19 di kalangan ahli keluarga terutama kepada golongan warga emas dan kanak-kanak," katanya.

Katanya, ketika Ramadan, umat Islam di negara ini diseru untuk menggunakan peluang yang ada untuk menjalankan kegiatan dan amalan keagamaan seperti persediaan juadah berbuka puasa dan solat berjemaah dengan keluarga di rumah masing-masing.

Pada masa sama, kementerian sedang menggiatkan usaha mengenal pasti kontak rapat bagi tiga kluster di Kota Samarahan, Sarawak.

Tiga kluster berkenaan adalah kluster individu dalam siasatan (PUI) Itali, persidangan agama gereja dan barisan hadapan kesihatan.

Dr Noor Hisham berkata, pihaknya sedang mengenal pasti kontak bagi memutuskan rantaian wabak COVID-19.

"Ketiga-tiga kluster itu masih lagi dalam proses siasatan dan langkah yang dilakukan ketika ini perlu ditambah baik dan dipertingkatkan lagi," katanya.



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL



*Penularan COVID-19*

# Perlis negeri pertama Zon Hijau

## 22 mukim capai status sejak 15 April dilindungi pastikan tiada kes baharu

**Putrajaya:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melindungi Zon Hijau, khususnya di utara Malaysia bagi memastikan tiada jangkitan terbaru di kesan di kawasan berkenaan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata antara langkah yang dikenal pasti adalah melindungi bukan sahaja negeri, tetapi daerah dan mukim kawasan yang tersenarai dalam Zon Hijau.

"Zon ini perlu dilindungi dengan tindakan sewajarnya akan dilakukan dan kita akan maklumkan perancangan itu dalam seminggu dua ini," katanya pada sidang media harian perkembangan COVID-19 di sini, semalam.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perlis, Dr Sirajuddin Hashim, berkata semua 22 mukim di Perlis mencapai Zon Hijau COVID-19 sejak 15 April lalu.



*Keputusan peringkat seterusnya mengenai status COVID-19 di Perlis akan dibuat oleh KKM selepas ini.*

*Dr Sirajuddin Hashim, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Perlis*

BHTV

Beliau berkata, tiada kes COVID-19 baharu direkodkan dalam tempoh itu di 22 mukim berkenaan.

"Enam belas daripada 18 kes sembuh, manakala dua lagi dalam pengawasan JKN," katanya kepada pemberita pada majlis serahan kelengkapan perlindungan peribadi (PPE) di Pusat Latihan Koreksional Perlis (PKPs) di Arau, semalam.

Dr Sirajuddin berkata, seramai 20 orang yang memasuki negeri ini masih dikuarantin di dua pusat kuarantin negeri, iaitu 15 orang di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kangar dan empat orang di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (Kejururawatan), Kangar.

Beliau berkata, keputusan peringkat seterusnya mengenai status COVID-19 di Perlis akan dibuat oleh KKM selepas ini.

Sementara itu, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man ketika dihubungi Bernama berkata kerajaan negeri percaya dengan kemampuan KKM dalam membendung wabak COVID-19 dan mereka sudah melakukan usaha terbaik.

"Kita (kerajaan negeri) menyerahkan sepenuhnya kepada KKM dalam menentukan perkara ini kerana mereka mempunyai kriteria tersendiri (menentukan negeri Zon Hijau)," katanya.



**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 8**
**RUANGAN : LOKAL**



**lokal**




# Elak balik kampung bagi kekang Covid-19

**Kuala Lumpur:** Mengambil iktibar daripada penyebaran jangkitan Covid-19 dalam Kluster Pengerang dan Sub-kluster Rembau, masyarakat diminta mengelakkan daripada melakukan aktiviti kunjung-mengunjung ke rumah rakan mahupun sanak-saudara sepanjang Ramadan ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia termasuklah perjalanan rentas negeri, daerah dan mukim atau menghadiri perhimpunan besar-besaran termasuklah majlis keagamaan serta majlis keraian.

"KKM khuatir aktiviti seperti ini yang menjadi kelaziman rakyat Malaysia, akan mengakibatkan penularan jangkitan Covid-19 dalam kalangan ahli keluarga terutama kepada golongan warga emas dan kanak-kanak," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

**KKM khuatir aktiviti kelaziman rakyat Malaysia mengakibatkan penularan jangkitan Covid-19**

Menurutnya, tradisi dan amalan ibadat pada Ramadan bagi umat Islam seluruh dunia juga akan turut terkesan memandangkan banyak negara sedang melaksanakan kawalan pergerakan dan sempadan bagi mengekang penularan Covid-19 di negara masing-masing.

"Umat Islam di Malaysia diseru menggunakan peluang ketika Ramadan ini untuk menjalankan aktiviti dan amalan keagamaan seperti persediaan juadah berbuka puasa dan solat berjemaah dengan keluarga di rumah masing-masing.

"Langkah ini dapat membantu kita menjaga dan melindungi ahli keluarga yang dikasihi terutama ibu bapa yang tua dan anak-anak kecil daripada dijangkiti penyakit Covid-19," katanya.

Pada sidang media sama, Dr Noor Hisham mendedahkan, Kluster Pengerang setakat ini sudah menjangkiti 15 individu membabitkan ahli keluarga dan rakan sekerja selepas individu terbabit melakukan perjalanan merentas negeri iaitu daripada Pengerang, Johor ke Selangor untuk mengunjungi sanak-saudaranya.

Untuk rekod, tiga jangkitan daripada Kluster Pengerang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU).

# KKM giat kesan kontak di Sarawak

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempergiat dan mempertingkatkan proses pengesanan kontak jangkitan Covid-19 yang membabitkan tiga kluster di Sarawak.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia berikutan berlaku peningkatan kes positif yang mendadak di negeri berkenaan.

Beliau berkata, tiga kluster terbabit adalah kluster kes import dari Itali, persidangan agama di gereja dan petugas kesihatan di hospital.

**"Kita masih kenal pasti bagaimana kita dapat memutuskan penularan itu" — Dr Noor Hisham**

Menurutnya, usaha mengesan individu yang mungkin mempunyai kontak dengan kes positif Covid-19 itu sedang dipergiatkan.

"Kita masih kenal pasti bagaimana kita dapat memutuskan penularan itu. Tetapi yang pasti tindakan pengesanan kes aktif dipergiatkan dan dipertingkatkan lagi untuk mengenal pasti kontak rapat.

"Ada yang kita tidak dapat kenal pasti siapa kontak, mungkin mereka ada hubungan atau terdedah tapi tidak dapat dikesan. Penting untuk kita lihat kontak dan pengesanan dipertingkatkan lagi," katanya pada sidang media harian Covid-19 di Putrajaya, semalam.

Beliau berharap tindakan pengesanan itu akan memberikan kesan positif dalam mengekang penularan wabak Covid-19 di negeri berkenaan.




# Merebak angkara rentas negeri

## *Kluster Pengerang jangkiti ahli keluarga, rakan sekerja*

Oleh Amir Abd Hamid dan Raja Noraina Raja Rahim
am@hmetro.com.my



SEBANYAK 50 kes baharu jangkitan direkodkan semalam.

**Kuala Lumpur**

Malaysia merekodkan 33 kluster jangkitan Covid-19 di seluruh negara setakat, semalam.

Terbaharu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendedahkan Kluster Pengerang, Johor sudah menjangkiti 15 individu terdiri daripada ahli keluarga dan rakan sekerjanya akibat tindakannya merentas beberapa negeri untuk mengunjungi sanak-saudara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes indeks iaitu kes ke-1508 Kluster Pengerang itu mula mengalami gejala pada 12 Mac lalu.

"Beliau dirawat di sebuah klinik swasta pada 16 Mac dan disyaki sebagai menghidap demam denggi. Keesokannya, beliau merentas beberapa negeri untuk mengunjungi sanak saudara di sekitar Selangor sebelum pulang ke Pengerang pada 18 Mac lalu.

"Keadaan kesihatan beliau mula merosot dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Aminah, Johor pada 20 Mac dalam keadaan yang kritikal sebelum disahkan positif jangkitan Covid-19 pada 22 Mac," katanya pada sidang media di Putrajaya, semalam.

Menurutnya, setakat 22 April lalu, kluster itu sudah menjangkiti 15 individu terdiri daripada 10 rakan sekerja dan lima ahli keluarga kes indeks, termasuk ibunya berusia 79 tahun serta anak perempuan berusia 10 tahun.

"Sebanyak tujuh kes daripada kluster ini masih di dalam rawatan manakala lapan lagi pulih sepenuhnya dan dibenarkan discaj. Secara keseluruhan, tiga kes di dalam kluster ini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU).

"Jangkitan dalam kalangan ahli keluarga yang menetap di negeri lain adalah dipercayai berpunca daripada aktiviti kunjung-mengunjung yang berlaku sehari sebelum pelaksanaan PKP," katanya.



*"Jangkitan dalam kalangan ahli keluarga yang menetap di negeri lain adalah dipercayai berpunca daripada aktiviti kunjung-mengunjung yang berlaku sehari sebelum pelaksanaan PKP"*

**Dr Noor Hisham Abdullah**

Dalam perkembangan sama, Dr Noor Hisham berkata, satu kematian dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), setakat jam 12 tengah hari semalam menjadikan jumlah kumulatif kes kematian adalah sebanyak 93 kes.

Katanya, 50 kes baharu jangkitan direkodkan semalam menjadikan 5,532 kes keseluruhan dalam negara setakat ini.

"Daripada jumlah itu, seramai 43 pesakit dirawat di ICU, 25 menggunakan bantuan alat pernafasan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, seramai 103 orang sembuh menjadikan 3,452 pesakit sembuh dan discaj hospital dengan kadar kesembuhan 62.4 peratus.

"Kes aktif (positif Covid-19) kebolehjangkitan seramai 1,987 pesakit, mereka sudah diasingkan dan diberi rawatan," katanya ketika sidang media harian Covid-19 di Putrajaya, hari ini.

Mengulas mengenai kes kematian ke-93 itu, Dr Noor Hisham berkata, ia membabitkan kes ke-5483 iaitu merupakan perempuan warga Malaysia berusia 72 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit barah dan darah tinggi.

"Beliau dirawat di Hospital Umum Sarawak pada 20 April dan disahkan meninggal dunia pada 22 April jam 9.15 pagi," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

#JanganPutusAsa #Malaysia Sinar

MEMERANGI WABAK COVID-19

# Perlis negeri pertama bebas Covid-19

18 kes positif sebelum ini telah pulih sepenuhnya

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Perlis menjadi negeri pertama di negara ini bebas daripada wabak koronavirus (Covid-19) selepas 18 kes positif sebelum ini telah pulih sepenuhnya.

Menerusi data yang dikeluarkan oleh Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat (CPRC) Kebangsaan, kesemua daerah di negeri itu berada di bawah zon hijau.

Sebelum ini, sembilan mukim negeri itu 'diserang' Covid-19 manakala 13 yang lain bebas jangkitan wabak berkenaan.

Selain Perlis, Kelantan turut mencatatkan pencapaian memberangsangkan yang mana hanya Kota Bharu dan Tanah Merah merekodkan kes aktif iaitu enam dan satu kes.

Tujuh daerah lain di Kelantan kini berada di zon hijau.

Sementara itu, Cheras yang sebelum ini telah turun ke zon jingga kini kembali semula diisytihar sebagai zon merah selepas kes aktif meningkat kepada 43 kes.

Ia menjadikan keseluruhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur zon merah dengan Lembah Pantai merekodkan jumlah kes tertinggi iaitu 347 kes.

Jumlah keseluruhan zon merah sebanyak 14 daerah manakala lapan diletakkan di bawah zon jingga.

Sebanyak 64 daerah berada di bawah zon hijau dan 63 daerah zon kuning.

## KKM akan saran MKN kaedah tindakan lindungi zon hijau

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menyarankan tindakan sewajarnya kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi melindungi kawasan zon hijau daripada wabak Covid-19 di negara ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, walaupun Perlis kini bebas wabak Covid-19, fokus tindakan bukan setakat negeri tetapi juga bagi daerah dan mukim.

"Kita dalam proses melihat pada bukan negeri tapi juga daerah dan mukim. Kita sedang buat perancangan untuk tindakan selanjutnya.

"Perbincangan dengan MKN akan dibuat untuk melihat kawasan-kawasan zon hijau. Kawasan zon hijau perlu dilindungi.

"Jadi kita akan sarankan tindakan sewajarnya untuk kawasan zon hijau bukan hanya negeri tapi daerah dan mukim-mukim. Tindakan seterusnya akan maklum seminggu dua ini," katanya di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan mengenai pergerakan rakyat di Perlis sama ada negeri itu akan dijadikan sebagai projek rintis bagi menamatkan PKP setelah negeri itu dikenal pasti sebagai zon hijau berikutan tiada kes baharu jangkitan Covid-19 dilaporkan setakat ini.

## Tiada jangkitan Covid-19 di depot imigresen seluruh negara

PUTRAJAYA - Tiada jangkitan wabak Covid-19 di 14 depot tahanan imigresen di seluruh negara setakat ini, kata Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimee Daud.

Beliau berkata, saringan awal pemeriksaan Covid-19 telah dilaksanakan terhadap warga asing yang ditahan sebelum atau selepas pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Kami bekerjasama dengan petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membuat saringan awal gejala Covid-19 seperti batuk, selesema dan juga pemeriksaan suhu badan bagi tahanan yang baru mendaftar masuk serta tahanan sedia ada.

"Selain itu, kesemua pelawat asing tidak dibenarkan melawat depot tahanan bagi mengelakkan timbul kluster Covid-19 yang baharu," katanya di sini semalam.

Menurutnya, sepanjang PKP, pengoperasian depot tahanan imigresen berjalan seperti biasa dengan menerima kemasukan tahanan yang selesai menjalani hukuman penjara dan tahanan daripada agensi penguatkuasaan lain bagi tujuan pengusiran ke negara asal.


KHAIRUL DZAIMEE

"Selain itu, depot tahanan juga menerima pesalah-pesalah PKP warga asing yang ditahan oleh agensi penguatkuasaan lain," katanya.

Katanya, setakat 21 April, terdapat 10,500 banduan asing dalam depot tahanan yang sedang menunggu untuk menjalani hukuman dan pengusiran secara berperingkat.

Selain itu, beliau berkata, bagi fasa pertama pengusiran, pihaknya telah menghantar pulang sebanyak 1,022 tahanan warga Indonesia pada 9 April dan 10 April lepas.

"Terdapat dua destinasi penghantaran pulang warga Indonesia iaitu 509 orang ke Jakarta dan 513 orang ke Medan yang pihak Malaysia Airlines Berhad telah menyediakan enam pesawat," katanya.

Beliau berkata, fasa kedua program penghantaran pulang pula akan dilaksanakan hari ini melibatkan sebanyak 145 tahanan warga Thailand.

Katanya, mereka akan dihantar pulang menaiki pesawat Malaysia Airlines.

"Fasa ketiga program ini dirancang dilaksana pada 26 April melibatkan seramai 607 tahanan warga Bangladesh," katanya. *- Bernama*




## Rakyat perlu patuh PKP meskipun mulai berpuasa Jumaat ini

PUTRAJAYA - Rakyat diminta kekal patuh kepada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) meskipun umat Islam dijangka mula menjalani ibadah puasa pada Jumaat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, aktiviti kunjung mengunjung dan merentasi negeri, daerah dan mukim atau perhimpunan perlu dielakkan.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) khuatir aktiviti seperti ini yang sememangnya telah menjadi kelaziman rakyat akan mengakibatkan penularan jangkitan Covid-19 dalam kalangan ahli keluarga terutama kepada golongan warga emas dan kanak-kanak," katanya di sini semalam.

Menurutnya, umat Islam diseru menggunakan peluang Ramadan yang bakal menjelma untuk menjalankan aktiviti dan amalan keagamaan seperti persediaan juadah berbuka puasa dan solat berjemaah dengan keluarga di rumah masing-masing.

